



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 26 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Gangguan Seksual Terhadap Lelaki, Lebih Seribu Kes Direkodkan - KPWKM https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gangguan-seksual-terhadap-lelaki-lebih-1-000-kes-direkodkan-kpwkm https://borakdaily.com/kes-keganasan-terhadap-lelaki-meningkat-ketara-nancy/ https://malaysiagazette.com/2024/11/25/mgnews-gangguan-seksual-dalam-kalangan-lelaki-mencatatkan-peningkatan-ketara/ https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/26/number-of-male-sexual-harassment-victims-on-the-rise https://suarasarawak.my/lebih-1000-lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual/ https://www.youtube.com/watch?v=P8d2bEGJryg https://www.youtube.com/watch?v=RetHRzI3DrU https://headtopics.com/my/more-than-1-000-men-sought-help-over-sexual-harassment-but-62448565	Berita RTM Borak Daily Malaysia Gazette The Star Suara Sarawak Vanakkam Malaysia MalaysiaGazette TV Head Topics	Neutral

	<p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/25/more-than-1000-men-sought-help-over-sexual-harassment-but-not-from-cops-says-nancy-shukri</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/25/lebih-1000-lelaki-terlibat-keganasan-seksual-sesama-jantina-nancy/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1139460/over-1000-sexual-harassment-cases-involving-men-says-minister</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/132865/8/kes-keganasan-babitkan-lelaki-sebagai-mangsa-meningkat-ketara-nancy#google_vignette</p> <p>https://www.msn.com/en-my/news/national/more-than-1-000-men-sought-help-over-sexual-harassment-but-not-from-cops-says-nancy-shukri/ar-AA1uHrgn</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kes-keganasan-babitkan-mangsa-lelaki-catat-lonjakan-ketara-nancy-shukri/#google_vignette</p>	<p>The Star</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>NST</p> <p>Berita Harian</p> <p>MSN</p> <p>Buletin TV3</p>	
2.	<p>Remaja 14 Tahun Selamatkan Rakan Kena Renjatan Terima Pingat Hang Tuah, Wang RM5,000</p> <p>https://www.malaysiadateline.com/remaja-14-tahun-selamatkan-rakan-kena-renjatan-terima-pingat-hang-tuah-wang-rm5000/</p>	<p>Malaysia Date Line</p>	Neutral
3.	<p>Miskin Tegar Di Pulau Pinang Menurun Kepada 519 Keluarga</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698530/edisi/utara/miskin-tegar-di-pulau-pinang-menurun-kepada-519-keluarga</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
4.	<p>Jumlah Penduduk Terjejas Banjir Di Kelantan Kekal 76</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jumlah-penduduk-terjejas-banjir-di-kelantan-kekal-76</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2367571</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

5.	<p>174 Individu Ditahan, Disyaki Terlibat Dalam Aktiviti Pelacuran Di Johor</p> <p>https://suarasarawak.my/174-individu-ditahan-disyaki-terlibat-dalam-aktiviti-pelacuran-di-johor/</p>	Suara Sarawak	Neutral
6.	<p>Syarat Tambahan Lesen Memandu Kepada Warga Emas? Kerajaan Tidak Akan Terburu-Buru - Anthony</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarat-tambahan-lesen-memandu-kepada-warga-emas-kerajaan-tidak-akan-terburuburu-anthony-497911</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/25/tiada-syarat-baharu-bagi-warga-emas-perbaharui-lesen-memandu-jpj/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mot-sambut-baik-cadangan-tambahan-pembaharuan-lesen-memandu-warga-emas</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=MdPknRFFzrg</p> <p>https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2367374</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698633/berita/nasional/mot-teliti-cadangan-warga-emas-jalani-penilaian-kompetensi---anthony-loke</p> <p>https://www.utusan.com.my/terkini/2024/11/syarat-tambahan-lesen-memandu-warga-emas-perlu-kajian-loke/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/25/kementerian-pengangkutan-teliti-penilaian-kompetensi-kesihatan-warga-emas-baharui-lesen/</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/25/syarat-perbaharui-lesen-memandu-warga-emas-tidak-berubah---npj</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Majoriti</p>	Neutral
7.	<p>Dua Kanak-Kanak Lemas Ketika Mandi Kolam</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1328783/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-kolam</p>	Berita Harian	Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1159072/2-kanak-kanak-ditemukan-lemas-ketika-mandi-kolam</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/246873/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-kolam-tuaran/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-budak-perempuan-mandi-kolam-ditemukan-lemas-497900</p> <p>https://siakapkei.my/2024/11/25/dua-kanak-kanak-maut-lemas-ketika-mandi-kolam</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Daily Express</p> <p>Astro Awani</p> <p>Siakap Keli</p>	
8.	<p>Guru Agama Dituduh Rogol, Amang Seksual Pelajar OKU</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1328533/guru-agama-dituduh-rogol-amang-seksual-pelajar-oku#google_vignette</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/25/guru-agama-mengaku-tak-salah-rogol-amang-seksual-pelajar-oku/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-didakwa-tujuh-pertuduhan-rogol-amang-seksual-pelajar-oku-497816</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/698510/video/berita-semasa-video/guru-didakwa-tujuh-pertuduhan-rogol-amang-seksual-pelajar-oku</p>	<p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
9.	<p>OKU Bukan Kekurangan, Ia Kelebihan Tersendiri - Intan</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/oku-bukan-kekurangan-ia-kelebihan-tersendiri-intan</p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

GANGGUAN SEKSUAL TERHADAP LELAKI, LEBIH SERIBU KES DIREKODKAN – KPWK



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 25 November- Lebih seribu kes gangguan seksual membabitkan lelaki direkodkan menerusi program advokasi antikeganasan seksual, baru-baru ini.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, ia mencatatkan lonjakan ketara, meskipun masih ramai tidak melaporkan kejadian berkenaan.

"Kementerian sebelum ini hanya merekodkan belasan kes sahaja, tetapi ia meningkat kepada lebih 1,000 kes selepas program advokasi berkenaan dianjurkan.

Ramai lelaki enggan melaporkan dan mereka tidak mengadu kepada polis, sebaliknya tampil membuat aduan di kaunter pusat sokongan sosial (PSS).

Jumlah ini membimbangkan sekali gus menunjukkan lelaki juga terancam. Justeru, kita mahu mereka tampil membuat laporan," kata Datuk Seri Nancy kepada pemberita, hari ini.

Beliau menjelaskannya pada sidang media selepas perasmian Kempen Menangani Keganasan terhadap Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan di lobi Parlimen.

Kempen Menangani Keganasan terhadap Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan diadakan setiap 25 November selaras resolusi ditetapkan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

REMAJA 14 TAHUN SELAMATKAN RAKAN KENA RENJATAN TERIMA PINGAT HANG TUAH, WANG RM5,000

Seorang remaja berusia 14 tahun dianugerahkan Pingat Hang Tuah, semalam atas keberaniannya menyelamatkan rakan yang terkena renjatan elektrik pada 2 Oktober lalu.

Remaja terbabit, Muhammad Asri Rosli berkata bahawa anugerah yang diterima sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024 itu disambut dengan perasaan teruja, gembira dan terharu yang bercampur-baur.

Muhammad Asri ketika menceritakan semula apa yang telah berlaku memaklumkan ketika kejadian, dirinya sedang bermain sepak takraw bersama rakan di sekolah mereka di Bukit Beruntung, Selangor.

Namun ketika mahu mengambil bola, Muhammad Asri ternampak mangsa sedang memegang besi di dalam keadaan bergetar dipercayai akibat terkena renjatan elektrik, lapor Berita Harian.

“Masa saya dan rakan nak ambil bola, saya nampak dia memegang besi dalam keadaan bergetar. Saya tarik dia beberapa kali sebelum tangannya terlepas daripada besi.

“Saya terus peluk dia dan rasakan ada aliran elektrik pada badannya. Saya terus bawa dia ke bilik guru pendidikan jasmani,” kata remaja berkenaan memetik laporan Berita Harian.

Muhammad Asri berkata sedemikian ketika ditemui pihak media di dalam Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak 2024 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada Ahad.

Ibu kepada Muhammad Asri iaitu Zuraini Harun mengakui merasa bangga dengan tindakan anak keenam dari lapan beradik itu selain mendedahkan penerima anugerah Hang Tuah terbabit merupakan kanak-kanak yang bijak.

“Dia lahir kembar tiga. Dalam mereka bertiga, memang nampak dia paling banyak mengalah dan bijak. Apa yang dia buat (menyelamatkan rakan) amat membanggakan kami sekeluarga,” kata ibu berusia 49 tahun yang bekerja sebagai tukang cuci itu.

Muhammad Asri selaku penerima penganugerahan Pingat Hang Tuah itu turut membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000, sijil penghargaan dan juga trofi.

Sekadar info, Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak 2024 ini dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri; Timbalannya, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; serta Pengerusi Majlis Perwakilan Kanak-Kanak, Daniel Haqem Darul Hafiz.

SYARAT TAMBAHAN LESEN MEMANDU KEPADA WARGA EMAS? KERAJAAN TIDAK AKAN TERBURU-BURU – ANTHONY



Anthony semasa sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) pada Isnin.. - Gambar Astro AWANI

SEPANG: Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meletakkan syarat tambahan bagi pembaharuan lesen memandu kepada warga emas. Sebaliknya, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, ia memerlukan penelitian secara mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Kita menerima baik cadangan laporan tersebut, tetapi ia perlu diteliti lebih lanjut sebelum sebarang keputusan dibuat oleh pihak Kementerian Pengangkutan.

"Sudah tentu ada implikasinya dan kita kena lihat kelebihan dan kekurangannya apabila apa-apa syarat tambahan (baharu) diletakkan

"Jadi, apa-apa syarat tambahan ini kita sentiasa berhati-hati supaya tidak memberikan implikasi negatif apabila ada sesuatu syarat baharu dikenakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) di sini, pada Isnin.

Sebelum ini ada ada cadangan yang mengesyorkan warga emas berusia 65 tahun ke atas yang masih ingin memandu, perlu melakukan penilaian kompetensi dan kesihatan, berikutan tiada had umur maksimum untuk golongan itu memandu di jalan raya.

Ia adalah susulan peningkatan kes kemalangan jalan raya melibatkan pemandu warga emas di negara ini boleh dikurangkan jika syarat tambahan bagi pembaharuan lesen memandu untuk golongan tersebut diperkenalkan.

Dalam perkembangan berasingan, Anthony Loke berkata, satu tapak di Nilai, Negeri Sembilan akan dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai pusat logistik negara.

"Jadi memang Kerajaan Negeri Sembilan juga menyambut baik dan mereka sedang mengenal pasti tanah tersebut," ujarnya.

DUA KANAK-KANAK LEMAS KETIKA MANDI KOLAM

TUARAN: Dua kanak-kanak berusia tujuh tahun ditemui lemas di sebuah kolam di Kampung Rungus Nahaba, Tamparuli, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Tuaran, Superintendan Noraidin Ag Maidin berkata pihaknya menerima laporan jam 5.18 petang sebelum sepasukan polis bergegas ke lokasi.

Katanya, hasil siasatan awal mendapati kejadian itu hanya disedari selepas adik kepada seorang daripada kanak-kanak itu memaklumkan keluarganya.

"Kanak-kanak berusia lima tahun yang terselamat itu dikatakan turut bersama-sama kedua-dua kanak-kanak terbabit pergi ke kolam berkenaan untuk mandi.

"Selepas mereka lemas, kanak-kanak berusia lima tahun itu pulang ke rumahnya memaklumkan kejadian itu kepada keluarga," katanya.

Noraidin berkata beberapa penduduk kampung bersama keluarga kanak-kanak terbabit kemudiannya bergegas ke lokasi kejadian dan menemui mereka di dasar kolam dalam keadaan tidak sedarkan diri.

"Pasukan perubatan Hospital Tuaran yang tiba membantu di lokasi kejadian kemudian mengesahkan kedua-dua mangsa meninggal dunia," katanya dihubungi hari ini.

Noraidin berkata kes berkenaan diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

GURU AGAMA DITUDUH ROGOL, AMANG SEKSUAL PELAJAR OKU



Mohd Zulkarnain dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas tujuh pertuduhan merogol dan amang seksual terhadap seorang pelajar wanita OKU di Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Johor. - Foto NSTP/Iskandar Ishak

JOHOR BAHRU: Seorang guru agama didakwa atas tujuh pertuduhan merogol dan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Mahkamah Sesyen, di sini, antara Disember 2023 sehingga Ogos lalu.

Tertuduh, Mohd Zulkarnain Mohd Zain, 34, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mohd Zulkurnain didakwa atas dua pertuduhan merogol selain lima pertuduhan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang kini berusia 15 tahun.

Kesemua kesalahan itu dilakukan tertuduh antara jam 3.30 hingga 4.30 petang antara Disember tahun lalu dan tiga bulan lalu, di dalam stor sebuah sekolah pendidikan khas, di sini.

Bagi kesalahan merogol tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Dia turut didakwa mengikut Seksyen 14(b) dan Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Farah Wahida Shahudin manakala tertuduh diwakili Iskandar Shah Ibrahim.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya memohon mahkamah supaya mengenakan jaminan berjumlah RM60,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua tujuh pertuduhan selain syarat perlu melapor diri di Balai Polis berhampiran sebulan sekali serta pasport antarabangsa diserahkan pada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan yang dicadang kepada RM30,000.

"Tertuduh seorang penjawat awam yang bergaji kasar RM3,000 sebulan manakala isterinya pula hanya mendapat RM1,800 sebulan, malah dia juga menderita penyakit apendiks," kata peguam tertuduh.

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh dijamin RM35,000 dengan seorang penjamin selain syarat perlu melapor diri di Balai Polis berhampiran sebulan sekali serta pasport antarabangsa diserahkan pada mahkamah.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 30 Disember depan bagi penyerahan dokumen.